

Jaulah ke Bumi Sakura

Nilai: Program Jaulah Mahabbah ke Bumi Sakura bukan saja memberi pengalaman baharu kepada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), malah mereka turut berkongsi kisah kehidupan sebagai seorang Muslim kepada media di negara berkenaan.

Kehadiran mereka menarik perhatian stesen televisyen terkemuka Jepun, stesen Fuji TV yang menjemput pelajar USIM menayangkan rakaman satu program khas Muslim yang berlangsung di Masjid Camii di wilayah Shibuya.

Program disertai 16 pelajar dan pegawai Kolej Kediaman 1 USIM itu turut membuka peluang kepada peser-

ta meneroka suasana kehidupan masyarakat minoriti Islam menerusi pelbagai aktiviti yang diatur sepanjang tujuh hari lawatan berkenaan.

Komuniti Islam

Felo Kolej Kediaman 1, Ahmad Faiz Aziz, berkata antara program yang diadakan ialah diskusi dakwah, pertukaran budaya, kelas qasidah, aktiviti bersama-sama anak Muslim dan silaturahim bersama komuniti Masjid Camii dan Masjid Otsuka.

Paling menarik, katanya, lawatan ke Islamiyah Kindergarten School di Otsuka yang diwujudkan sejak lapan tahun lalu hasil inisiatif komuniti Islam setempat.

“Di situ, kami berpe-



luang mendekati guru dan kanak-kanak Islam tadika berkenaan menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan flash card.

“Kami begitu teruja dengan keletah kanak-kanak terbabit dan masing-masing menunjukkan minat untuk belajar menggunakan flash card,” katanya.

Pengarah Program, Siti Raudhah Mohd Azmin,



berkata kesukaran mendapatkan makanan halal antara cabaran yang turut dialami peserta khususnya ketika berkunjung ke Pulau Odaiba.

Berkongsi makanan

Katanya, peserta terpaksa berkongsi bekalan makanan seperti makanan segera dan serunding bagi mengisi perut sepanjang lawatan ke pulau berkenaan dan itu menjadi pengalaman yang sukar dilupakan.

“Kami juga mendekati masyarakat bukan Islam termasuk seorang

penyelidik Organisasi Pengajian Islam, Waseda University, Okai Hirofumi.

“Beliau yang menga-kui tertarik dengan Islam turut menjadikan Malaysia sebagai salah satu sumber dalam kajiannya dan berhasrat ingin berkunjung ke USIM bagi mendalami aspek pendidikan berkaitan Islam suatu masa nanti,” katanya.

Lawatan di bawah pelaksanaan program program Global Islamic Students Outreach (GISO) USIM itu mendapat sokongan Kerajaan Negeri Sembilan, Tourism Malaysia Negeri Sembilan dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Negeri Melaka.

Sebahagian daripada peserta yang menyertai Program Jaulah Mahabbah ke Bumi Sakura.